

SULIT
2280/1
GEOGRAFI
Kertas 1
November 2021
1 ¼ jam

2280/1



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2021

GEOGRAFI

Kertas 1

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

- 1 Antara berikut, pernyataan manakah yang benar tentang ciri-ciri mantel?
- A Mengandungi lapisan astenosfera
 - B Lapisan bumi yang paling pejal
 - C Terdiri daripada batuan basalt
 - D Kaya dengan logam nikel
- 2 Apakah bentuk muka bumi yang terbentuk sekiranya terjadi pertembungan antara plat lautan dengan plat benua?
- A Arka pulau
 - B Gunung bongkah
 - C Jurang lautan
 - D Lurah gelinciran
- 3 Batuan X dalam rajah berikut merujuk kepada



- A batu garam
 - B batu granit
 - C batu kapur
 - D batu pasir
- 4 Pernyataan berikut berkaitan ciri-ciri sejenis batuan.

- Mengandungi fosil tumbuhan dan haiwan
- Mineral dalam batuan mudah dilarutkan

Lokasi manakah yang dapat dikaitkan dengan batuan tersebut ?

- A Segamat, Johor
- B Hulu Kinta, Perak
- C Mukah, Sarawak
- D Telupid, Sabah

- 5 Foto 1 menunjukkan pandang darat fizikal di suatu kawasan.



Foto 1

Apakah proses luluhawa kimia yang menyebabkan terbentuknya pandang darat fizikal dalam Foto 1?

- A Larutan
 - B Hidrolisis
 - C Pengoksidaan
 - D Pengkarbonan
- 6 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan luluhawa biologi terhadap pandang darat di kawasan tropika lembap?
- A Pengelupasan batuan
 - B Pembentukan bonjolan batu
 - C Penguraian batuan oleh bakteria
 - D Penghabluran garam dalam batuan

[Lihat halaman sebelah

7 Pernyataan berikut berkaitan dengan kesan

- Pokok condong
- Tiang elektrik senget

- A tanah runtuh
- B banjir lumpur
- C kesotan tanah
- D gelangsar tanah

8 Apakah langkah yang paling sesuai untuk mengurangkan risiko susupan air hujan di kawasan cerun yang curam?

- A Membuat teres bukit
- B Membina struktur gabion
- C Menanam tanaman tutup bumi
- D Meletakkan sungkupan plastik


9 Berikut adalah kesan tindakan hakisan sungai.

- Pemecahan struktur batuan yang padat
- Membentuk lubang tunjam yang dalam

Apakah tindakan hakisan sungai yang menyebabkan kesan tersebut?

- A Tindakan lagoon
- B Tindakan hidraul
- C Tindakan geseran
- D Tindakan larutan


- 10 Rajah 1 menunjukkan bentuk muka bumi di hilir sungai.



Rajah 1

Apakah bentuk muka bumi Y?

- A Tetambak
 - B Tasik ladam
 - C Lubang periuk
 - D Likuan terpenggal
- 11 Berikut menunjukkan aliran pembentukan bentuk bumi pinggir laut.



Apakah ciri bentuk muka bumi bertanda X ?

- A Terbentuk akibat hakisan berterusan
 - B Kesan pemendapan bahan enapan
 - C Terdiri daripada timbunan pasir
 - D Terjadi akibat hanyutan pesisir
- 12 Antara berikut, yang manakah merupakan usaha pemuliharaan kawasan pinggir pantai?
- A Penanaman pokok bakau
 - B Penguatkuasaan undang-undang
 - C Kempen kesedaran alam sekitar
 - D Pendidikan alam sekitar

- 13 Jadual 1 menunjukkan suhu bulanan bagi Stesen K bagi tahun 2020.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Suhu (°C)	25	24	25	25	28	27	27	20	21	23	24	24

Jadual 1

Berapakah julat suhu tahunan di Stesen K?

- A 2°C
 B 4°C
 C 6°C
 D 8°C
- 14 Antara berikut, yang manakah langkah kawalan paling sesuai untuk mengurangkan kejadian seperti dalam Foto 2?




Foto 2

- I Mendalamkan dasar sungai
 II Melakukan pembenihan awan
 III Membina lebih banyak empangan
 IV Memperbaiki sistem perparitan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

15 Berikut adalah maklumat tentang ciri-ciri iklim di suatu kawasan.

- Kerpasan tahunan 250mm hingga 300mm
- Julat suhu tahunan kira-kira 42°C

Kawasan yang bertanda manakah dalam Peta 1 berkaitan dengan ciri-ciri iklim tersebut?



Peta 1

16 Apakah fenomena yang dikaitkan kesan-kesan berikut?

- Penyakit mata dan lelah
- Jarak penglihatan terhad

- A Hujan asid
- B Pulau haba
- C Kemarau
- D Jerebu

[Lihat halaman sebelah

17 Berikut adalah maklumat tentang jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Bersifat dirian tulen• Malar hijau |
|---|

Di kawasan manakah terdapat jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut?

- A Utara Eropah
- B Gurun Arab
- C Utara Thailand
- D Lembangan Amazon

18 Mengapakah tumbuh-tumbuhan semula jadi penting dalam keseimbangan ekosistem?

- I Meningkatkan kualiti udara ✓
 - II Menjadi habitat flora dan fauna ✓
 - III Menaikkan suhu setempat
 - IV Melindungi kawasan terumbu karang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

19 Antara berikut, yang manakah merupakan usaha pemeliharaan hutan?

- A Menanam semula hutan
- B Mewujudkan ladang hutan
- C Melakukan penebangan terpilih
- D Mendirikan pusat rehabilitasi

20 Foto 3 menunjukkan sejenis hidupan liar.



Foto 3

Apakah usaha yang boleh diambil untuk menyelamatkan haiwan ini daripada pupus?

- A Menjalankan rawatan silvikultur
- B Memelihara kawasan hutan buluh
- C Mewujudkan ladang hutan
- D Melaksanakan penebangan terpilih

21 Antara berikut, kawasan manakah mempunyai penduduk jarang?

- A Dataran Tinggi Korat
- B Banjaran Himalaya
- C Lembangan Chang Jiang
- D Padang Rumput Steppe

22 Apakah kesan terhadap negara yang mempunyai ciri kependudukan berikut?

- Jumlah penduduk ramai
- Sumber terhad
- Tahap teknologi rendah

- A Taraf kesihatan tinggi
- B Kadar upah meningkat
- C Kadar celik huruf yang tinggi
- D Peluang perkerjaan terhad


23 Pernyataan berikut berkaitan Negara P.

- Kadar kelahiran – 2.76%
- Kadar kematian – 0.96%

Berapakah pertumbuhan penduduk semula jadi Negara P?

- A 1.80%
- B 1.86%
- C 2.76%
- D 3.72%

24 Rajah 2 menunjukkan piramid penduduk di Negara Y.



Rajah 2

Apakah kesan struktur dan komposisi piramid penduduk Negara Y?

- A Banyak tenaga kerja dalam kalangan orang dewasa
- B Sumber yang banyak digunakan untuk memajukan negara
- C Penduduk menikmati taraf hidup yang lebih tinggi
- D Kerajaan mampu meningkatkan ekonomi

25 Bagaimanakah Malaysia mengatasi masalah migrasi dalaman?


- A Memperbanyakkan peluang pekerjaan
- B Memajukan sistem pengangkutan
- C Membuka tanah pertanian
- D Mengadakan pusat latihan

26 Apakah jenis migrasi yang akan berlaku?

Adleena yang bekerja di Shah Alam dinaikkan pangkat menjadi pengurus syarikat di Johor Bahru.

- A Migrasi bandar ke luar bandar
- B Migrasi luar bandar ke luar bandar
- C Migrasi bandar ke bandar
- D Migrasi luar bandar ke bandar

27 Rajah 3 menunjukkan perkembangan desa kepada bandar.



Rajah 3

Perubahan saiz petempatan tersebut mengakibatkan

- I Perubahan guna tanah
 - II Peningkatan kebersihan udara
 - III Saiz keluarga bertambah besar
 - IV Peningkatan harga tanah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

28 Apakah perubahan ekonomi yang menunjukkan kemajuan petempatan desa?

- A Jaringan jalan raya yang baik ✓
- B Kemudahan klinik kesihatan
- C Kemudahan bekalan air bersih
- D Banyak industri kecil dan sederhana

29 Foto 4 menunjukkan jalan raya bertingkat.



Foto 4

Apakah tujuan pembinaan sistem pengangkutan tersebut?

- A Menjadi laluan kenderaan berat sahaja
- B Mengurangkan pencemaran udara
- C Mengurangkan kesesakan lalu lintas ✓
- D Menambah bilangan kenderaan di bandar

30 Apakah langkah yang boleh dilakukan untuk mengurangkan masalah urbanisasi?

- A Pembinaan bandar satelit ✓
- B Menyediakan banyak peluang pekerjaan
- C Meningkatkan kemudahan infrastruktur
- D Menguatkuasakan undang-undang

- 31 Mengapakah teknologi tenaga hidrogen dimajukan sebagai sumber tenaga alternatif menggantikan petroleum di Denmark dan Jerman?
- A Lebih mesra alam
 - B Menjimatkan kos
 - C Ramai tenaga buruh
 - D Banyak bahan mentah
- 32 Mengapakah usaha penggantian sumber tenaga bahan api fosil kepada sumber tenaga boleh baharu semakin mendapat perhatian dunia?
- A Kemajuan dalam industri petrokimia
 - B Bekalan sumber yang berterusan
 - C Penemuan mineral baru
 - D Bersifat mesra alam
- 33 Foto 5 menunjukkan aktiviti loji nuklear di Negara Jepun.



Foto 5

Apakah kesan terhadap alam sekitar akibat daripada aktiviti tersebut?

- A Menjejaskan rantaian makanan
- B Habitat semula jadi hidupan liar terancam
- C Menyebabkan ketidakseimbangan ekosistem
- D Radiasi radioaktif mengancam hidupan akuatik

34 Foto 6 menunjukkan aktiviti penerokaan sumber petroleum di Malaysia.



Foto 6

Apakah kesan aktiviti tersebut terhadap alam sekitar?

- A Aras laut meningkat
 - B Suhu laut meningkat
 - C Pinggir pantai terhakis
 - D Hidupan akuatik terjejas
- 35 Apakah langkah penjimatan penggunaan tenaga di dunia?
- A Kempen kesedaran alam sekitar
 - B Penggunaan penghawa dingin teknologi inverter
 - C Dasar kerajaan menjalankan R&D
 - D Penggunaan incinerator

36 Foto 7 menunjukkan industri automotif di Jepun.



Foto 7

Bagaimanakah industri tersebut mempengaruhi peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar Jepun?

- I Mata wang
 - II Upah buruh
 - III Dasar kerajaan ✓
 - IV Teknologi tinggi ✓
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 37 Apakah kepentingan Malaysia menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)?
- A Mengurangkan persaingan
 - B Meluaskan eksport barangan
 - C Meningkatkan kemasukan buruh asing
 - D Meningkatkan mutu barangan Malaysia
- 38 Foto 8 menunjukkan hakisan tanah akibat pembinaan lebuh raya di lereng bukit.



Foto 8

Apakah langkah yang sesuai untuk mengurangkan hakisan di kawasan pembinaan lebuh raya di lereng bukit?

- A Melebarkan lebuh raya
- B Membina cerun di kawasan curam
- C Menanam rumput di kawasan cerun
- D Menghadkan kemasukan kenderaan

39 Penerokaan hutan semula jadi menyumbang kepada impak alam sekitar. Apakah kesan jangka panjang akibat aktiviti tersebut?

- A Krisis bekalan air
- B Hutan sekunder semakin bernilai
- C Perubahan fenomena cuaca tempatan
- D Menggalakkan kegiatan ekonomi lain

40 Maklumat berikut menunjukkan kesan kegiatan pertanian di Malaysia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pencemaran air• Keasidan tanah meningkat |
|---|

Apakah langkah untuk mengatasi kesan kegiatan pertanian tersebut?

- A Penggunaan baja organik
- B Penanaman tutup bumi
- C Penerasan cerun bukit
- D Penggunaan jentera pembajak

KERTAS SOALAN TAMAT